



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM 2022**

Tahfiz Al-Quran
(932)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 217 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 82.49% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	21.66	10.60	14.75	8.29	12.90	5.07	9.22	5.53	0.46	3.23	8.29

RESPONS CALON

Komen am

Mutu jawapan calon secara keseluruhan adalah baik. Terdapat dua pembahagian soalan iaitu, Bahagian A dan Bahagian B. Kekuatan calon ketika menjawab lebih cenderung kepada Bahagian B. Calon secara keseluruhan akan menjawab semua soalan dalam Bahagian B. Walau bagaimana pun pada Bahagian A terdapat juga calon yang tidak mampu untuk menjawab semua soalan dalam bahagian tersebut. Secara keseluruhan prestasi keseluruhan calon dalam menjawab kertas Tahfiz al-Quran adalah baik. Walau bagaimana pun calon perlu seimbang dalam menjawab kedua-dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Calon perlu melebihkan sedikit usaha, terutamanya pada Bahagian A.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Hifz al-Quran

Soalan 1

Soalan ini memerlukan calon menyempurnakan ayat 83, surah al-Maidah, kemudian menyambung dua ayat selepasnya. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan baik kerana arasnya yang mudah, iaitu terletak pada awal juzuk. Cuma kelemahan yang sering terjadi ialah kesalahan dalam ejaan dan huruf. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

تَرَى أَعْيُنَهُمْ تَقِيضُ مِنَ الْدَّمَعِ مِمَّا عَرَفُوا مِنَ الْحَقِّ
 يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّا فَكَيْتُمَا مَعَ الشَّهِيدِينَ ﴿٨٣﴾ وَمَا لَنَا لَا نُؤْمِنُ
 بِاللَّهِ وَمَا جَاءَنَا مِنَ الْحَقِّ وَنَطَّمُ أَنَّ يُدْخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ الْقَوْمِ
 الصَّالِحِينَ ﴿٨٤﴾ فَأَتَبْهُمُ اللَّهُ بِمَا قَالُوا جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا
 الْأَنْهَرُ خَلِيلِينَ فِيهَا وَذَلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٨٥﴾

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menulis satu ayat lengkap awal juzuk 8. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik disebabkan arasnya yang mudah, iaitu awal juzuk. Namun terdapat juga segelintir calon tidak dapat menjawab dengan baik. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَلَوْ أَنَّا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمُ الْمُلْكَةَ وَكَأَمَّهُمُ الْمَوْقَى وَحَشَرْنَا
عَلَيْهِمْ كُلَّ شَيْءٍ قَبْلًا مَا كَانُوا لَيَوْمٌ نُوَافِدًا إِلَّا أَن يَشَاءَ اللَّهُ وَلَكِنْ

Soalan 2(b) menghendaki calon menyempurnakan ayat 128 dari surah al-An'am. Sebahagian kecil calon dapat menjawab dengan baik. Namun kebanyakannya hanya mengemukakan jawapan yang tidak sempurna. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَقَالَ أَوْلِيَاً أُوْهُمْ مِّنَ الْإِنْسَانِ رَبَّنَا أُسْتَمْتَعْ بَعْضُنَا بَعْضٍ
وَبَعْضُنَا أَجْلَنَا الَّذِي أَجْلَتَ لَنَا قَالَ النَّارُ مَثْوَنُكُمْ حَلَالِينَ فِيهَا
إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menyempurnakan ayat 142 dan ayat 143 dari surah al-A'raf. Soalan ini berada pada aras yang sederhana. Hanya segolongan kecil calon yang dapat menjawab soalan ini dengan betul. Sedangkan kebanyakannya hanya dapat menjawab sebahagian sahaja. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَقَالَ مُوسَى لِأَخِيهِ هَرُونَ أَخْلُفُنِي فِي قَوْمِي وَأَصْلِحُ
وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ ﴿١٤٣﴾ وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى لِمِيقَاتِنَا
وَكَلَمَهُ وَرَبُّهُ وَقَالَ رَبِّي أَرِنِّي أَنْظُرْ إِلَيَّكَ قَالَ لَنْ تَرَنِي وَلَكِنْ
أَنْظُرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِّي أُسْتَقَرُ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَنِي فَلَمَّا
تَجَلَّ رَبُّهُ وَلِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكَّا وَخَرَّ مُوسَى صَعِقًا فَلَمَّا آفَاقَ

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menulis satu ayat selepas ayat yang diberikan dalam surah al-Anfal ayat 62 hingga ayat 63. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menyempurnakan jawapan mengikut skema pemarkahan yang disediakan. Hanya segelintir calon tidak dapat menyempurnakan jawapan dan kesilapan pada penulisan. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَالَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا آفَقْتَ
بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ وَعِزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

Soalan 4(b) (i) dan (ii) meminta calon menyempurnakan ayat yang telah diberikan dalam surah al-Anfal ayat 71 dan surah al-Tawbah ayat 4. Antara kelemahan calon pada soalan ini ialah tidak dapat menyempurnakan ayat tersebut serta berlaku tukar jawapan dari surah lain. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

4 (b) (i)

فَقَدْ خَانُوا اللَّهَ مِنْ قَبْلِ فَمَكَنَّ مِنْهُمْ وَاللَّهُ عَلَيْمٌ حَكِيمٌ
٦١

4 (b) (ii)

ثُمَّ لَمْ يَنْقُصُوكُمْ شَيْئًا وَلَمْ يُظْهِرُوْا عَلَيْكُمْ أَحَدًا
فَاتَّحُمُوا إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَى مُدَّتِّهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ
٦٢

BAHAGIAN B: *Maharat al-Qiraat*

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon perihalkan biodata imam ibnu 'Amir. Soalan ini berbentuk umum dengan pelbagai pilihan jawapan. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang betul, iaitu:

- Abdullah bin Amir al-Syami al-Yahsabi.
- Panggilan Ibn 'Amir al-Syami.
- Dilahirkan pada tahun 19 Hijrah.
- Wafat pada tahun 118 Hijrah.
- Wafat di Damsyik.
- Beliau seorang yang alim, terkenal dan imam yang hebat.

Soalan 5(b) menghendaki calon menerangkan istilah *Mad al-Munfasil*, *Sakin mafsul*, dan *naqal* serta cara bacaan Imam Ibn 'Amir. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik seperti jawapan yang berikut:

Maksud istilah:

- *Mad munfasil* ialah pertemuan huruf *mad* dan *hamzah* dalam dua kalimah, dan dibaca dengan *tawassut*.
- *Sakin mafsul* ialah pertemuan huruf *sukun* dan *hamzah* dalam dua kalimah, dan dibaca dengan *tahqiq*.
- *Naqal* ialah memindahkan baris huruf *hamzah* pada huruf yang *sukun* sebelumnya, dan dibaca dengan *tahqiq*.

Soalan 5

Soalan 6(a) menghendaki calon perihalkan biodata Imam Hafs dan Imam Syu'bah secara ringkas dan berikan satu perbezaan manhaj bacaan antara mereka. Pada soalan ini, majoriti calon tidak dapat menyatakan biodata kedua-dua Imam seperti kehendak soalan serta tidak dapat menyatakan perbezaan *manhaj* yang betul bagi kedua-dua Imam tersebut. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Biodata:

- Imam Hafs: Hafs bin Sulaiman bin al-Mughirah, meninggal pada tahun 180H.
- Imam Syu'bah: Abu Bakar Syu'bah, meninggal pada tahun 193H.

Perbezaan manhaj pada kalimah **رَمِى** dibaca *imalah* oleh riwayat Syu'bah manakalah riwayat Hafs membacanya dengan *fathah*.

Soalan 6(b) menghendaki calon menerangkan perbezaan *qurra'* pada perkataan ayat al-Quran dari surah al-Insan, ayat 9 dan ayat 10. Pada soalan ini majoriti calon dapat menyatakan cara bacaan dengan betul tetapi nama Imam yang membacanya tidak dapat dikemukakan seperti yang dikehendaki oleh soalan. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Perbezaan bacaan *qurra'*:

نُطْعَمُكُمْ لَوْجَهٍ :

- Riwayat Qalun (wajah pertama), Imam Ibn Kathir, dan Imam Abu Ja'far membaca dengan *silah mim jama'*.
- Baki *qurra'* membaca dengan *iskan mim jama'*.

جَزَاءٌ :

- Riwayat Warsy dan Imam Hamzah membaca dengan *isyba'*.
- Baki *qurra'* membaca dengan *tawassut*.

قَمَطْرِيرًا :

- Riwayat Warsy membaca dengan *tarqiq ra'*.
- Baki *qurra'* membaca dengan *tafkhim*.

Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon menyatakan empat *manhaj* bacaan bagi riwayat al-Susi berdasarkan surah al-Qadr, ayat 1 hingga ayat 5. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik seperti jawapan yang berikut:

Tiga *manhaj* bacaan bagi riwayat al-Susi ialah:

- Bacaan *qasr* pada kalimah **إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ**
- Bacaan tanpa *silah ha'* dhamir pada kalimah **أَنْزَلْنَاهُ**
- Bacaan *tafkhim ra'* pada kalimah **خَيْرٌ**
- Bacaan *tahqiq* (tanpa *naqal*) pada kalimah **مِنْ أَلْفِ الْمَلِئَةِ**
- Bacaan *tawassut* pada kalimah **الْمَلِئَةِ**

Soalan 7(b) menghendaki calon menerangkan tiga perbezaan cara bacaan antara riwayat al-Bazzi dan riwayat Ibnu Zakwan. Hanya sebahagian calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik, sementara sebahagian lagi tertukar atau mendatangkan perbezaan yang tidak memenuhi kehendak soalan. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Tiga perbezaan bacaan antara riwayat al-Bazzi dan riwayat Ibn Zakwan ialah:

- Kalimah أَنْذِنْ لَهُ , riwayat al-Bazzi membaca dengan bacaan *qasr*, sementara riwayat Ibn Zakwan dengan bacaan *tawassut*.
- Kalimah أَذْرَكْ لَهُ , riwayat al-Bazzi membaca dengan bacaan *silah ha' dhamir*, sementara riwayat Ibn Zakwan tanpa *silah*.
- Kalimah أَذْرَكْ لَكَ , riwayat al-Bazzi membaca dengan *fathah*, sementara riwayat Ibn Zakwan dengan *imalah kubra*.
- Kalimah رَبِّهِمْ , riwayat al-Bazzi membaca dengan *silah mim jama'*, sementara riwayat Ibn Zakwan tanpa *silah*.

Soalan 8

Soalan 8(a) meminta calon menjawab soalan berdasarkan surah al-Zalzalah, iaitu dengan menyatakan tiga nama *qurra'* yang membaca dengan bacaan *isymam* pada kalimah (بصَدْر). Pada soalan ini majoriti calon hanya dapat menyatakan satu atau dua nama imam yang membaca *isymam* pada kalimah yang diberikan secara betul. Hanya segelintir calon dapat menyatakan dengan betul kesemua imam yang membaca *isymam* pada perkataan (بصَدْر). Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Tiga orang *qurra'* yang membaca dengan bacaan *isymam* pada kalimah بـصـدـر ialah:

- Imam Hamzah
- Imam al-Kisa'i
- Riwayat Ruwais dan riwayat Khalaf

Soalan 8(b) ini meminta calon menjawab berdasarkan surah al-Zalzalah, iaitu dengan menerangkan mengenai cara bacaan kalimah (أَوْحَى). Kebanyakan calon dapat menjawab dengan betul kerana jawapannya hanyalah perlu menerangkan jenis bacaan sahaja, iaitu *fathah*, *imalah* dan *taqlil* seperti jawapan yang berikut:

Khilaf *qurra'* yang terdapat pada kalimah أَوْحَى :

- Riwayat Warsy membaca dengan *taqlil*
- Imam Hamzah, Imam al-Kisa'ie dan riwayat Khalaf membaca dengan *imalah kubra*
- Baki *qurra'* membaca dengan *fathah*

Soalan 8(c) memerlukan calon membuat perbandingan antara dua perawi Imam Hamzah serta *manhaj* mereka. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan baik pada soalan ini, kerana mereka keliru dengan dua perawi bagi imam Hamzah. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Dua perbezaan bacaan antara dua perawi bagi Imam Hamzah ialah :

- Kalimah أَلْأَرْضُ , dibaca dengan *sakta* oleh riwayat Khalaf, tetapi riwayat Khallad membaca sama ada dengan *sakta* atau *tahqiq*.
- Kalimah خَيْرٌ يَبْرُدُ , dibaca dengan *idgham bi la ghunnah* oleh riwayat Khalaf, tetapi riwayat Khallad membaca dengan *idgham ma al-ghunnah*.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 216 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 83.81% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	22.69	6.02	7.87	16.67	10.19	12.96	7.41	1.85	0.00	4.17	10.19

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu kertas soalan adalah baik dan sesuai untuk penilaian pada peringkat STPM. Soalan yang dikemukakan merangkumi kesemua aras, iaitu mudah, pertengahan, dan sukar serta mematuhi keperluan KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi). Terdapat tiga pembahagian soalan, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C. Kekuatan calon ketika menjawab lebih cenderung kepada Bahagian B dan C berbanding Bahagian A.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Hifz al-Quran

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyempurnakan ayat 132 hingga ayat 134, surah Taha dengan menggunakan *al-Rasm al-Uthmani*. Sebilangan kecil calon sahaja yang mampu menjawab soalan ini dengan sempurna, contohnya ada sebahagian jawapan calon hanya menjawab di awal sambungan ayat sahaja tanpa berjaya menyelesaikan jawapan sehingga ayat 134. Namun begitu, ada juga calon yang menjawab tidak mengikut kehendak soalan. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَاصْطَلِّ عَلَيْهَا لَا نَسْكُكَ رِزْقًا حَنَّ نَرْزُقُكَ وَالْعِنْبَةُ لِلتَّقْوَىٰ ﴿١٣٢﴾
 وَقَالُوا لَوْلَا يَأْتِينَا بِعَايَةٍ مِّنْ رَّبِّهِ أَوْلَمْ تَأْتِهِمْ بَيْنَهُ مَا فِي
 الْصُّحْفِ الْأُولَىٰ ﴿١٣٣﴾ وَلَوْلَا أَنَّا أَهْلَكْنَاهُمْ بِعَذَابٍ مِّنْ قَبْلِهِ
 لَقَالُوا رَبَّنَا لَوْلَا أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّعَ ءَايَاتِكَ

Al-Rasm al-Uthmani

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menyempurnakan Surah al-Hajj, ayat 24 hingga ayat 26. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik dan sempurna. Terdapat calon hanya menjawab beberapa kalimah ayat al-Quran di awal tanpa melengkapkan jawapan dengan sempurna. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَهُدُوا إِلَى صَرْطَنِ الْحَمِيدِ ﴿٢٤﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَيَصُدُّونَ
عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ الَّذِي جَعَلْنَاهُ لِلنَّاسِ سَوَاءً
الْعَكْفُ فِيهِ وَالْبَادِ وَمَنْ يُرِدُ فِيهِ بِإِلْحَادٍ يُظْلِمُ نُذْقَهُ
مِنْ عَذَابِ أَلَّيمٍ ﴿٢٥﴾ وَإِذْ بَوَأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ
أَنَّ لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئاً وَطَهَرْ بَيْتِيَ لِلظَّائِفِينَ

Soalan 3

Soalan 3 menghendaki calon menulis enam ayat yang bermula dari awal surah al-Mukminun. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh seperti jawapan yang berikut:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ حَاسِعُونَ
وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ الْلَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلرَّزْكَوَةِ
فَعَلُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٤﴾ إِلَّا عَلَى
أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَكَّتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ عَيْرٌ مَلُومِينَ ﴿٥﴾

Al-Rasm al-Uthmani

Soalan 4

Soalan 4 menghendaki calon menyambung ayat 86, surah al-Qasas hingga akhir surah. Hanya sebilangan kecil sahaja calon yang mampu menjawab dengan tepat soalan ini kerana kedudukan ayat berada di akhir surah menyebabkan calon kurang menguasai ayat ini. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَمَا كُنْتَ تَرْجُوا أَنْ يُلْقَى إِلَيْكَ الْكِتَبُ إِلَّا رَحْمَةً
مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونُنَّ ظَهِيرَاً لِلْكَافِرِينَ ﴿٨٦﴾ وَلَا يَصُدُّنَّكَ
عَنْ إِعْيَاتِ اللَّهِ بَعْدَ إِذْ أَنْزَلْتَ إِلَيْكَ وَأَدْعُ إِلَى رَبِّكَ وَلَا
تَكُونَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٨٧﴾ وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهَآءَ اخْرُ
لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهُهُ وَلَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ

BAHAGIAN B: *Maharat al-Rasm*

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan definisi *al-Rasm*. Sebilangan kecil calon hanya mampu menjawab dengan sempurna definisi *al-Rasm* dari sudut bahasa sahaja. Kebanyakan calon terkeliru dengan menyatakan definisi *al-Rasm* dari sudut istilah dengan menyatakan definisi *al-Rasm al-Uthmani* dan menyatakan kaedah-keadah penulisan kepada Sayidina Uthman. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Al-Rasm ialah:

- Bentuk tulisan al-Quran, iaitu jenis tulisan atau dikenali sebagai khat seperti khat *al-Kufi*, *al-Thuluth*, *al-Riqaaah* dan lain-lain lagi.
- Kaedah penulisan, iaitu cara menulis sesuatu kalimah itu sama ada huruf-hurufnya ditambah, dikurangkan atau sebagainya.

Soalan 5(b) menghendaki calon mengemukakan tiga hujah bagi membuktikan bahawa *al-Rasm Imlai* tidak wajar digunakan dalam penulisan al-Quran. Tidak ada calon yang berjaya menjawab soalan ini dan mendapat markah penuh. Kebanyakan calon mengemukakan jawapan yang kurang tepat untuk menyatakan hujah bagi membuktikan bahawa *al-Rasm Imlai* tidak wajar digunakan dalam penulisan al-Quran. Antara jawapan yang kurang tepat diberikan calon mengaitkan *al-Rasm Imlai* adalah menyukarkan dan menyusahkan orang yang ingin membaca al-Quran dan menyebabkan berlaku perpecahan dan perbalahan di antara umat Islam dengan mengaitkan punca peperangan di zaman Sayidina Uthman. Selain itu ada juga jawapan calon yang mengaitkan penulisan *al-Rasm Imlai* tidak ada di zaman Rasulullah SAW dan para sahabat menolaknya. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Tiga hujah bagi membuktikan bahawa *al-Rasm imla'i* tidak wajar digunakan dalam penulisan al-Quran ialah:

- Kaedah penulisan *al-Rasm imla'i* harus mengalami perubahan. Justeru itu sekiranya ia berlaku dalam penulisan al-Quran ia akan mencemar dan merosakkan kesucian al-Quran tersebut.
- *Al-Rasm imla'i* merupakan suatu kaedah penulisan yang dicipta oleh manusia (*ijtihadi*) berdasarkan sebutan kalimah-kalimah, berbeza dengan *al-Rasm al-Uthmani* yang merupakan *taqifi* daripada Allah SWT. Justeru hukum yang *taqifi* perlu diutamakan melebihi *ijtihadi*.
- Al-Quran ditulis oleh jurutulis wahyu yang dilantik dengan menggunakan suatu kaedah penulisan sahaja yang dikenali sebagai *al-Rasm al-Uthmani* di bawah pemantauan Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bahawa al-Quran tidak boleh ditulis dengan menggunakan *al-Rasm Imla'i*.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menerangkan maksud *al-Ibdal* dan *al-Fasl wa al-Wasl*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun ada juga sebilangan kecil calon menjawab dengan jawapan yang tidak lengkap dan sempurna, iaitu hanya menerangkan maksud *al-ibdal* dan *al-Fasl wa al-Wasl* tanpa mendatangkan contoh. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Kaedah *al-Ibdal* ialah satu kaedah penggantian huruf-huruf hijaiyyah, iaitu:

- Huruf *alif* yang ditulis dengan huruf *wau* pada perkataan (الصلوة).
- Huruf *alif* yang ditulis dengan huruf *ya* pada perkataan (والضحى).

Kaedah *al-Fasl wa al-Wasl*

- Ialah kaedah pemisahan dan penyambungan pada perkataan al-Quran seperti perkataan (كُلْ) yang diiringi dengan perkataan (مَا) disambung seperti (كُلَّمَا).

Soalan 6(b) menghendaki calon membincangkan dua kesan positif penggunaan *al-Rasm al-Uthmani* dalam al-Quran. Tidak ada calon yang dapat menjawab soalan ini. Kebanyakan calon tidak mampu memberikan dua kesan positif mengikut kehendak soalan. Calon terkeliru dengan memberikan jawapan seperti *al-Rasm al-Uthmani* memudahkan umat Islam membacanya kerana orang bukan Arab dapat memahami cara bacaan yang jelas. Selain itu ada juga calon memberikan kelebihan dan faedah kaedah penulisan *al-Rasm al-Uthmani* seperti boleh dijadikan panduan kepada masyarakat untuk mengetahui sesuatu baris. Sebahagian besar calon tidak memahami bentuk soalan bincangkan menyebabkan calon tidak mendatangkan kesimpulan dalam jawapan mereka. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Dua kesan positif penggunaan *al-Rasm al-Uthmani* dalam al-Quran:

- Dapat memelihara bacaan ketika *ibtida'* dan *waqaf* pada kalimah tertentu.

Contoh: dikekalkan *hamzah wasal* dan dibuang huruf nun pada huruf yang bertanwin pada kalimah: **محمد رسول الله**

- Dapat membaca al-Quran dengan pelbagai wajah *qiraat*.

Contoh: kalimah (ملک) yang *dihazafkan alif* selepas *mim* agar ia boleh dibaca dengan bacaan *al-Hazf* atau *ithbat*.

Kesimpulannya, *al-Rasm al-Uthmani* memainkan peranan yang sangat penting dalam al-Quran.

Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon menyatakan dua kalimah dalam surah al-Fatiyah berserta dengan kaedah penulisan yang digunakan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun ada juga sebilangan kecil calon menjawab dengan jawapan ayat al-Quran selain surah al-Fatiyah dan ada juga hanya menjawab kaedah penulisan *al-Rasm* tanpa mendatangkan ayat dalam surah al-Fatiyah. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Dua kalimah dalam surah al-Fatiyah berserta dengan kaedah penulisan yang digunakan.

Bil.	Kalimah Berkaitan	Kaedah Penulisan
1.	العلَمِينَ	<i>hazf alif</i>
2.	الرَّحْمَن	<i>hazf alif</i>
3.	مَلَكٌ	<i>Ma Fih Qiraatain/ hazf alif</i>
4.	الصَّرْط	<i>Ma Fih Qiraatain/ hazf alif</i>

Soalan 7(b) menghendaki calon membincangkan mengapa *al-Rasm al-Uthmani* dinamakan juga oleh para ulama sebagai *al-Rasm tauqifi*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan sempurna. Namun terdapat sebahagian kecil calon tidak memberikan kesimpulan menyebabkan kehilangan markah. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Al-Rasm al-Uthmani dinamakan juga sebagai *al-Rasm Tawqifi*:

- Ia merupakan kaedah penulisan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dan Bagindalah yang memerintahkan supaya ia digunakan dalam penulisan al-Quran pada ketika itu.
- Oleh kerana baginda SAW sangat mengambil berat mengenai kaedah penulisan ini, ia jelas menunjukkan bahawa *al-Rasm* tersebut telah diajarkan oleh malaikat jibril kepada Baginda dan secara tidak langsungnya ia berasal dari Allah SWT.

Kesimpulannya, para ulama menamakan *al-Rasm al-Uthmani* juga sebagai *al-Rasm tauqifi* kerana mereka melihat bahawa *al-Rasm* tersebut hakikatnya suatu ketentuan dari Allah SWT.

BAHAGIAN C: Dhabit al-Quran dan al-Fawasil

Soalan 8

Soalan 8(a) menghendaki calon menyatakan maksud *nuqat al-I'rab* dan *nuqat al-I'jam*. Sebahagian besar calon menjawab definisi *nuqat al-I'rab* dan *nuqat al-I'jam* sebagai suatu ilmu berkaitan huruf hijaiyyah sedangkan jawapan adalah tanda-tanda ke atas huruf *hijaiyyah*. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Maksud *nuqat al-I'rab* dan *nuqat al-I'jam*:

- *Nuqat al-I'rab*: Tanda-tanda yang menunjukkan apa yang diletakkan pada sesuatu huruf dari aspek *harakah, sukun, baris sabdu* dan *mad*.
- *Nuqat al-I'jam* ialah tanda-tanda yang membezakan antara huruf-huruf *hijaiyyah* supaya tidak bercampur huruf-huruf *mu'jam* dan *muhmal*.

Soalan 8(b) menghendaki membincangkan dua faktor yang menyebabkan berlakunya perletakan *nuqat al-I'jam* dalam al-Quran. Majoriti pelajar dapat menjawab soalan ini cuma terdapat pelajar yang tidak dapat membezakan perkataan “kesalahan tatabahasa arab” dengan “kurang penguasaan bahasa Arab” yang menyebabkan markah ditolak. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Dua faktor yang menyebabkan berlakunya peletakan *nuqat al-I'jam* dalam al-Quran:

1. Pembukaan negara-negara Islam.
 - Ramai penganut-penganut baru yang memeluk agama Islam di kalangan bangsa Ajam.
2. Banyak berlaku kesilapan dalam sebutan bahasa Arab.
 - kerana dibimbangi kesilapan tersebut akan memberi kesan negatif dalam bacaan al-Quran.
 - Abdul Malik bin Marwan telah memerintahkan al-Hajjaj bin Yusof (Gabenor Iraq) berusaha untuk menghalang perkara tersebut dari berlaku untuk memelihara al-Quran.
 - Al-Hajjaj telah memilih Nasr bin 'Ashim dan Yahya bin Ya'mar bagi meletakkan *nuqat al-I'jam* dalam al-Quran.

Kesimpulannya peletakan *nuqat al-I'jam* dalam al-Quran memberikan kesan positif yang sangat besar dalam memelihara al-Quran dari sebarang penyelewengan.

Soalan 9

Soalan 9(a) menghendaki calon menjelaskan lima tahap penulisan al-Quran *al-Rasm al-Uthmani* dari aspek penandaan titik dan baris. Calon yang menjawab soalan ini adalah terlalu sedikit. Keseluruhan calon yang menjawab tidak memperoleh markah penuh. Hal ini kerana kebanyakan calon tertinggal jawapan tahap

pertama, keempat, dan kelima penulisan al-Quran *al-Rasm al-Uthmani*. Terdapat calon yang keliru antara zaman Abu al-Aswad ad-Duali dengan zaman penulisan Nasr bin ‘Asim dan Yahya bin Yu‘mar. Terdapat juga pelajar yang menjawab secara kronologi sejarah sedangkan soalan ini meminta tahap penulisan al-Quran berbentuk *point*. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Tahap-tahap penulisan al-Quran *al-Rasm al-Uthmani* dari aspek penandaan titik dan baris terbahagi seperti berikut:

- Tahap pertama: Belum diletakkan sebarang tanda.
- Tahap kedua: Ditandakan titik (*nuqat al-Trab*) yang dipelopori oleh Abu al-Aswad al-Duali.
- Tahap ketiga: Ditandakan dengan titik (*nuqat al-Ijam*) yang dipelopori oleh Yahya bin Ya‘mar dan Nasyr bin ‘Asim al-Laisy dengan perintah Gabenor Iraq iaitu al-Hajjaj bin Yusof al-Thaqafi.
- Tahap keempat: Diletakkan dengan tanda-tanda baris (*harakah*) yang dipelopori oleh al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi.
- Tahap kelima: Perubahan bentuk tulisan (*khat*) dan penambahbaikan bentuk baris (*harakah*).

Soalan 10

Soalan 10(a) menghendaki calon memberikan pendapat perselisihan ulama mengenai kedudukan *fasilah* sesuatu ayat al-Quran sama ada *tauqifi* atau *ijtihadi*. Kebanyakan calon yang menjawab tidak mendapat markah kerana gagal mengemukakan hujah dari hadis nabi SAW. Sebahagian calon tidak dapat mengemukakan pendapat kedua dengan sempurna. Sebahagian calon juga tidak membuat sebarang kesimpulan. Terdapat juga calon menghuraikan pendapat kedua dengan berhujahkan kaedah penentuan *al-fawasil* seperti contoh, “permulaan satu kalimah sebelum dan selepas, terputus penceritaan dalam satu kalimah” sedangkan ini adalah kaedah bukannya hujah untuk pendapat yang kedua tambahan pula bersalah dengan skema yang diberikan. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Para ulama berselisih pendapat dalam menentukan kedudukan sesuatu ayat al-Quran. Terdapat dua golongan yang membincangkan permasalahan ini iaitu:

- Sebahagian mereka berpendapat, untuk menentukan kedudukan ayat al-Quran tidak boleh dengan kajian atau dengan penelitian begitu sahaja, tetapi mestilah melalui ketetapan atau *tauqifi* daripada Rasulullah SAW. Antara hujah-hujah yang menguatkan pendapat ini ialah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: *Sesungguhnya terdapat sebuah surah dalam al-Quran yang mengandungi tiga puluh ayat yang dapat memberikan syafaat kepada seseorang sehingga diampunkan dosanya, iaitu surah al-Mulk.*
- Sebahagian ulama lain pula berpendapat bahawa untuk menentukan kedudukan ayat al-Quran, sebahagiannya berdasarkan *tauqifi* daripada Rasulullah SAW dan sebahagiannya lagi berdasarkan *qiyyas* atau *ijtihad* para ulama. Surah yang ditentukan berdasarkan *tauqifi* dari Baginda SAW antaranya ialah surah al-Mulk berdasarkan hadis yang bermaksud: *Sesungguhnya terdapat sebuah surah dalam al-Quran yang mengandungi tiga puluh ayat yang dapat memberikan syafaat kepada seseorang sehingga diampunkan dosanya, iaitu surah al-Mulk.* Namun tidak semua surah al-Quran dinyatakan oleh Baginda SAW mengenai bilangannya. Justeru itu bilangan ayat surah-surah tersebut ditentukan melalui *qiyyas* atau *ijtihad* para ulama.

Kesimpulannya, ulama berbeza pendapat mengenai kaedah untuk menentukan kedudukan suatu ayat al-Quran adalah disebabkan terdapat surah-surah tertentu yang baginda SAW telah nyatakan secara jelas mengenai bilangannya, namun terdapat juga banyak surah yang baginda SAW tidak menyatakannya.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 216 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 91.20% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	38.43	9.72	6.94	7.87	14.35	5.09	8.80	2.31	1.39	2.78	2.31

RESPONS CALON

Komen am

Pencapaian keseluruhan menunjukkan kebanyakan calon berada pada tahap sederhana. Calon yang dapat menguasai fakta dengan baik dapat menjawab soalan yang dikemukakan. Namun soalan berbentuk aplikasi yang memerlukan calon menghubungkait contoh yang diberi dengan kaedah yang bersesuaian menyebabkan kebanyakan calon yang lemah tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Walaupun begitu, bagi calon yang cemerlang, mereka dapat menjawab soalan berbentuk aplikasi dengan baik sekaligus membantu mereka memperoleh markah yang agak tinggi. Dari segi kekuatan dan kelemahan, calon-calon agak lemah dalam mengemukakan hujah-hujah yang konkret. Ramai calon yang tidak dapat mengeluarkan fakta yang baik dan bernes. Ramai calon yang kurang peka pada kehendak soalan dan menjawab berdasarkan pemahaman mereka sendiri. Boleh dikatakan pada keseluruhannya calon dapat menulis dengan baik sambungan ayat al-quran pada Bahagian A.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Hifz al-Quran

Soalan 1

Soalan ini mengkehendaki calon menyambung dua ayat selepas ayat 29 surah al-Ahqaf sehingga ayat 31. Sebahagian besar calon tidak menjawab soalan tersebut. Namun terdapat beberapa calon sahaja yang menjawab soalan ini dan hanya segelintir sahaja yang menjawab dengan baik. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon adalah seperti berikut:

يَسْتَمِعُونَ الْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا أَنْصِتُوْا فَلَمَّا قُضِيَ
 وَلَوْ إِلَى قَوْمِهِمْ مُنْذَرِينَ ﴿٢٩﴾ قَالُوا يَنْقُومُنَا إِنَّا سَمِعْنَا
 كِتَابًا أَنْزَلَ مِنْ بَعْدِ مُوسَى مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِي
 إِلَى الْحَقِّ وَإِلَى طَرِيقِ مُسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾ يَنْقُومُنَا أَجِبُوْا دَاعِيَ اللَّهِ
 وَأَمِنُوا بِهِ يَغْفِرُ لَكُمْ مِنْ ذُنُوبِكُمْ وَيُجْزِي
 ۝

Soalan 2

Soalan 2(a) ini mengkehendaki calon menyempurnakan ayat 1 hingga ayat 7 surah al-Waqi'ah. Kebanyakan calon yang sederhana dan cemerlang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon yang tidak menjawab dengan baik mungkin kerana mereka kurang memberikan penekanan pada setiap awal surah dalam juzuk 26 sehingga juzuk 30. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

لَيْسَ لِوَقْتَهَا كَادِيَةٌ ﴿١﴾ خَافِضَةٌ رَّافِعَةٌ ﴿٢﴾ إِذَا رُجِّتِ الْأَرْضُ رَجَّا ﴿٣﴾
 وَبَسَّتِ الْجِبَالُ بَسَّا ﴿٤﴾ فَكَانَتْ هَبَاءً مُنْبَثِّتاً ﴿٥﴾ وَكُنْثُمْ

Soalan 2(b) ini mengkehendaki calon menyempurnakan ayat dalam surah al-Hadid, ayat 4. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dengan baik kerana soalan tersebut merupakan ayat *mutasyabihat* yang hampir sama permulaannya dengan ayat dalam surah al-Sajdah, hanya sebahagian calon yang dapat menyambung ayat tersebut dengan betul. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

عَلَى الْعَرْشِ يَعْلَمُ مَا يَلْجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ
 السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا وَهُوَ مَعَكُمْ أَنَّ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Soalan 2(c) ini mengkehendaki calon menyempurnakan ayat 18 dalam surah al-Hadid. Kebanyakan calon tidak dapat menyempurnakan ayat tersebut, ini mungkin disebabkan kedudukan ayat berada di bahagian akhir muka surat. Namun masih terdapat calon yang dapat menjawab dengan baik. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

اللَّهُ قَرَّضَ أَحَسَنَكُمْ أَضْعَفُ لَهُمْ وَلَهُمْ أَجْرٌ كَيْمٌ ﴿١٨﴾

Soalan 3

Soalan Ini meminta calon menulis ayat 1 hingga ayat 10 surah al-Haqqah. Soalan ini ramai dijawab oleh calon. Kebanyakan calon mampu memberikan jawapan dengan tepat seperti yang berikut:

الْحَقَّةُ ① مَا الْحَقَّةُ ② وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحَقَّةُ ③ كَذَّبَ ثُوُدٌ وَعَادٌ
 بِالْقَارِعَةِ ④ فَآمَّا ثُمُودٌ فَاهْلَكُوا بِالْطَّاغِيَةِ ⑤ وَآمَّا عَادٌ فَاهْلَكُوا بِرِجْحِ
 صَرَصِيرِ عَاتِيَةِ ⑥ سَخَّرُهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَمِنْيَةَ أَيَامٍ حُسُومًا قَرَبَى
 الْفَوْمَ فِيهَا صَرَعَى كَافَّهُمْ أَجْهَارُ خَلْلٍ خَاوِيَّةِ ⑦ فَهَلْ تَرَى لَهُمْ مِنْ بَاقِيَةِ ⑧
 وَجَاءَ فِرْعَوْنُ وَمَنْ قَبْلَهُ وَالْمُؤْتَفَكَتُ بِالْخَاطِئَةِ ⑨ فَعَصَوْا رَسُولَ

Soalan 4

Soalan 4(a) meminta calon menyambung surah al-Naba' ayat 30 hingga ayat 37. Kebanyakan calon dapat menyambung ayat tersebut, namun terdapat juga sebilangan kecil calon yang menyambung pada surah yang lain. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

إِنَّ لِلْمُتَقِينَ مَفَازًا ⑩ حَدَّلَيْقَ وَأَعْنَدَبَا ⑪ وَكَاسَا ⑫
 دَهَاقًا ⑬ لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا كِذَبَا ⑭ جَزَاءَ مِنْ رِبِّكَ عَطَاءً
 حِسَابًا ⑮ رَبِّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الْرَّحْمَنُ

Soalan 4(b) mengkehendaki calon menyempurnakan surah 'Abasa ayat 31 hingga ayat 38. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat segilintir calon menjawab dengan terlalu banyak kesalahan pada ejaan serta sambungan ayat yang tidak betul. Jawapan yang sepatutnya seperti berikut:

مَتَّعَا لَكُمْ وَلَا نَعِمْكُمْ ⑯ فَإِذَا جَاءَتِ الْصَّاحَّةُ ⑰ يَوْمَ يَفْرُرُ الْمَرءُ مِنْ أَخِيهِ ⑱
 وَأُمِّهِ وَأَبِيهِ ⑲ وَصَاحِبَتِهِ وَبَنِيهِ ⑳ لِكُلِّ أَمْرٍ مِنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَانٌ يُعْنِيهِ

BAHAGIAN B: Ulum al-Quran

Soalan 5

Soalan 5(a) meminta calon memberikan maksud istilah المين dan الطوال berserta dengan nama surah.

Sebahagian besar calon dapat menjawab hampir tepat dengan memberikan maksud istilah الطوال, iaitu panjang berserta nama surah. Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan 5(a)(ii) dengan betul. Kebanyakan calon memberikan makna istilah المين ini dengan makna air. Jawapan yang sebenar ialah surah-surah yang mempunyai seratus ayat atau lebih sedikit atau hampir kepada seratus. Surah-surah yang termasuk sebagai dalam kategori ini ialah surah Yunus, surah Hud, surah Yusuf, surah al-Isra', surah al-Kahf, surah Taha, surah al-Anbiya', surah al-Qasas dan surah al-Hajj.

Soalan 5(b) mengkehendaki calon menghuraikan sejarah pengumpulan al-Quran yang berlaku pada zaman Khalifah Uthman Bin 'Affan. Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan tepat dengan memberikan isi-isi penting sejarah pengumpulan al-Quran pada zaman Khalifah Uthman Bin 'Affan. Terdapat sebahagian kecil calon sahaja yang terkeliru dengan memberikan jawapan sejarah pengumpulan al-Quran pada zaman Rasulullah dan Khalifah Abu Bakar. Jawapan yang sepatutnya ialah perluasan kerajaan Islam, *qurra'* yang dihantar ke setiap wilayah yang berbeza, berlaku *khilaf qiraat* dalam kalangan umat Islam, perang Armenia dan Azerbaijan, caci-mencaci, percanggahan bacaan yang fasih dan lebih fasih, kafir mengkafir dalam kalangan tentera Islam, peranan Huzaifah al-Yamani melapor kepada khalifah Uthman Bin Affan dan mengandaikan kesan buruk kepada ummah pada masa hadapan, peranan khalifah Uthman Bin 'Affan dalam membentuk jawatankuasa penyalinan semula mashaf yang diketuai oleh Zaid bin Thabit, peranan Hafsah memulangkan mashaf kepada jawatankuasa penyalinan semula mashaf, peranan Zaid dan jawatankuasa penyalinan semula mashaf, jawatankuasa penyalinan semula mashaf meletakkan piawai penyalinan mengikut lajhah Quraisy, Khalifah Uthman Bin Affan membuat edaran kepada lima wilayah iaitu Mekah, Madinah, Syam, Kufah dan Basrah bersama pengajar.

Soalan 6

Soalan 6(a) meminta calon menyatakan empat nama surah palsu. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan betul empat nama surah palsu yang dicipta oleh Musailamah al-Kazzab:

- Surah Difda' – menceritakan mengenai katak
- Surah Mubazzirat – menceritakan mengenai bijirin
- Surah al-Fil – menceritakan mengenai gajah
- Surah al-Lail – menceritakan tentang malam

Nama surah palsu oleh al-Furqan al-Haq:

- Surah al-Haq – menceritakan mengenai kebenaran
- Surah al-Mahabbah – menceritakan mengenai kasih sayang
- Surah al-Salam – menceritakan mengenai kesejahteraan
- Surah al-Masih – menceritakan mengenai Nabi Isa
- Surah al-Ruh – menceritakan mengenai ruh/nyawa

Selain itu, ada juga surah palsu Al-Wilaya, Al-Iman, Al-Muslimun, Al-Tajassud, Al-Wasy dan Al-Nurayn

Soalan 6(b) meminta calon memberikan pendapat, tiga faktor yang mendorong kemunculan surah-surah palsu. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan tepat faktor-faktor kepada pemalsuan al-Quran akan tetapi ada calon yang menjawab isi yang berulang, contohnya orang kafir hendak menyesatkan agama Islam dan orang Yahudi hendak menyesatkan orang Islam. Jawapan yang baik antaranya ialah mencari pengaruh, untuk menandingi al-Quran, tidak memahami asas agama Islam yang sebenar, didorongi oleh hawa nafsu, dengki dan kecewa kerana dipinggirkan, dan mengkristianisasikan umat Islam.

Soalan 7

Soalan 7(a) meminta calon menyatakan empat kepentingan *nasikh* dan *mansukh*. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan betul berkaitan kepentingan *nasikh* dan *mansukh*. Antara jawapan bagi kepentingan *nasikh* dan *mansukh* ialah memelihara kepentingan hamba, ujian bagi hamba untuk mentaati atau melanggar suruhan Allah, memudahkan dan kebaikan untuk manusia, bukti relevan agama Islam dalam

semua keadaan, menjaga kesejahteraan manusia, dan dapat menentukan hukum baharu seperti peristiwa perubahan kiblat.

Soalan 7(b) mengkehendaki calon mengemukakan ayat yang menasakhkan ayat 240 surah al-Baqarah dan huraian. Sebahagian calon terkeliru dengan kehendak soalan ini yang meminta calon mengemukakan ayat al-Quran akan tetapi kebanyakkan calon memberikan jawapan dengan hadis Rasulullah. Jawapan bagi soalan ini adalah surah al-Baqarah, ayat 240 dinasakhkan oleh Surah al-Baqarah, ayat 234:

وَالَّذِينَ يُتْوَفَّونَ مِنْكُمْ وَيَدْرُوْنَ أَزْوَاجًا يَرْبَّصُنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةً أَشْهُرٍ وَعَشْرًا فَإِذَا بَلَغُنَ أَجَاهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ
فِيمَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ حَيْثُ
٢٣٤

Orang-orang yang meninggal dunia di antaramu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menangguhkan dirinya (beridah) empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila habis idahnya, maka tiada dosa bagimu (para wali) membiarkan mereka berbuat terhadap diri mereka menurut yang patut. Allah mengetahui apa yang kamu perbuat. Huraian bagi ayat ini adalah hukum asal setahun hukum baharu 4 bulan 10 hari.

Soalan 8

Soalan 8(a) meminta calon menyatakan dalil yang menunjukkan al-Quran mengandungi ayat *muhkamat* dan ayat *mutasyabihat*. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan betul berkaitan dalil yang menunjukkan al-Quran mengandungi ayat *muhkamat*. Antara dalil al-Quran mengandungi ayat *muhkamat* firman Allah dalam surah at-Tin ayat 1 dan 2.

وَالْتَّيْنِ وَالْزَّيْنُونَ ﴿١﴾ وَطُورِ سِينِينَ ﴿٢﴾

Dalil al-Quran mengandungi ayat mutasyabihat firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 3:

وَإِنْ خَفْتُمُ الَّتِي تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَاتِ فَإِنَّكُمْ حُوَّا مَاطَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَئِنَ وَثْلَاثَ وَرَبِعٌ ﴿٣﴾ إِنْ خَفْتُمُ الَّتِي تَعْدُلُوا فَوْحَدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَنَكُمْ
ذَلِكَ أَدْقَنَ الَّتِي تَعْوَلُوا ﴿٤﴾

Bagi soalan 8(b) calon dihendaki memberikan dua pandangan ulama mengenai kewujudan ayat *muhkamat* dan ayat *mutasyabihat* dalam al-Quran. Sebahagian besar calon dapat memberikan jawapan yang tepat pandangan ulama mengenai kewujudan ayat *muhkamat* dan ayat *mutasyabihat* dalam al-Quran akan tetapi kebanyakkan calon gagal memberikan kesimpulan bagi soalan ini. Jawapan bagi pandangan ulama mengenai kewujudan ayat *muhkamat* dan ayat *mutasyabihat* dalam al-Quran ialah (1) *Muhkam* bermakna petunjuk ayat yang jelas. *Mutasyabih* pula ialah makna yang tersembunyi tanpa diketahui samada oleh akal atau dalil *naqli*. Semuanya tersimpan dalam ilmu Allah SWT seperti berlakunya kiamat, huruf-huruf *muqattaah* di permulaan surah. (2) *Muhkam* ialah apa yang diketahui kehendaknya sama ada secara zahir atau *takwil*. *Mutasyabih* pula ialah tersembunyi kehendaknya dan tidak diketahui secara zahir atau *takwil*. Pandangan ini ialah di kalangan ulama sunah. Kesimpulannya *Muhkam* ialah apa yang memadai dalam memenuhi tanpa memerlukan keterangan lain. Manakala *Mutasyabih* pula ialah yang tidak memadai dengan ayat tersebut dan memerlukan kepada keterangan daripada dalil yang lain.

Soalan 9

Soalan 9(a) meminta calon menerangkan dua jenis *ikhtilaf alfaz al-Qiraat*. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dua jenis *ikhtilaf alfaz* al-Quran dengan memberikan dan menerangkan kalimah yang *khilaf*. *Ikhtilaf* (perselisihan) lafaz-lafaz *qiraat* terbahagi kepada tiga keadaan, iaitu: (1) *Ikhtilaf* dari sudut lafaz, tetapi maknanya adalah sama. Contohnya pada lafaz (الصراط). ia harus dibaca dengan tiga perselisihan *qiraat* iaitu sama ada dengan huruf *sad*, atau huruf *sin* atau huruf *zai* yang diisyamkan. Sungguhpun lafaz ketiga-tiga *qiraat* tersebut berbeza, namun dari sudut makna ia tetap sama iaitu “jalan”. (2) *Ikhtilaf* dari sudut lafaz dan makna, tetapi kedua-duanya boleh digabungkan dalam satu maksud. Contohnya pada lafaz (ملك). ia harus dibaca dengan dua perselisihan *qiraat*, iaitu sama ada dengan huruf *alif* selepas mim (مك) yang bererti “yang mempunyai” atau dengan tanpa huruf *alif* selepas mim (ملك) yang bererti “raja”. Walaupun kedua-duanya mempunyai lafaz dan makna yang berbeza, namun kedua-duanya mempunyai maksud yang sama, iaitu “Allah SWT”. (3) *Ikhtilaf* pada lafaz dan makna serta tidak boleh digabungkan maksudnya, tetapi boleh bersepakat dalam suatu perkara (cerita). Contohnya pada lafaz (لقد علمت) dalam firman Allah SWT surah al-Isra’ ayat 102. Terdapat *qiraat* (*al-Kisa’ie*) membaca dengan *dhimmah* pada huruf *ta* yang membawa maksud nabi Musa AS. (*dhamir al-mutakallim*). *Qiraat* yang lain pula membaca dengan *fathah* pada huruf *ta* yang membawa maksud Firaun (*dhamir al-mukhatab*). Walaupun kedua-duanya mempunyai lafaz dan makna yang berbeza dan tidak boleh digabungkan maksudnya, namun kedua-duanya boleh bersepakat (digabungkan) dalam suatu perkara (dialog antara nabi Musa AS, dengan Firaun laknatullah).

Soalan 9(b) meminta calon menghuraikan dua perbezaan bacaan dan makna kesan daripada *ikhtilaf alfaz al-Qiraat* pada ayat yang bergaris. Hanya sebahagian kecil calon sahaja dapat menjawab dengan soalan ini dan akan tetapi tiada seorang calon mendapat markah penuh. Jawapan yang dikehendaki adalah dua perbezaan bacaan dan makna kesan daripada *ikhtilaf alfaz al-Qiraat* pada ayat yang bergaris:

- Bentuk bacaan dan penyandaran pada perawinya *farsh* huruf dalam ayat ini adalah pada kalimah (قدره)
 - i. Hafs daripada 'Asim, Ibnu Zakwan daripada Ibnu 'Amir, Hamzah, Kisa'i, Abu Ja'afar, Khalaf al-Ashir: dibaca dengan *fathah dal*.
 - ii. Nafi', Ibnu Kathir, Abu 'Amru, Hisyam daripada Ibnu 'Amir, Syu'bah daripada Asim, Ya'aqub: dibaca dengan *sakin dal*.

Kedua-dua lafaz ini mewakili dua dialek yang mempunyai makna yang sama.

- Bacaan *fathah* membawa maksud kemampuan (الطاقة الواسع) iaitu “ke atas orang yang kaya mengikut kemampuannya dan ke atas orang yang susah mengikut kemampuannya”.
- Manakala berkemungkinan bacaan *sakin* membawa maksud kedudukan (المنزلة), iaitu ke atas orang yang kaya apa yang bersesuaian dengan kemampuan dan kedudukan (martabat) mereka, dan demikian bagi orang yang miskin itu apa yang bersesuaian dengan kemampuan dan kedudukan (martabat) mereka.